

MYsumber » Berita » Harga terkini gula 1kg pasaran Malaysia 2017

Harga terkini gula 1kg pasaran Malaysia 2017

20:16 Redaksi Admin



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam satu kenyataan media bertarikh 2 Mac 2017 telah mengumumkan bahawa harga gula pasir putih bertapis kasar kini ditetapkan pada harga RM2.95 sekilogram, naik sebanyak 11 sen berbanding RM2.84 sekilogram sebelum ini

Menurut KPDNKK dalam kenyataan tersebut, penetapan harga baru itu dibuat mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.2) 2017

Bagaimanapun, kerajaan masih mengawal harga itu pada paras paling minimum jika dibandingkan dengan kenaikan di negara-negara lain

PUNCA KENAIKAN HARGA GULA 1KG DI PASARAN MALAYSIA TAHUN 2017

Punca kenaikan adalah disebabkan peningkatan harga gula di pasaran antarabangsa, ditambah pula penyusutan nilai ringgit, sekali gus mendorong kos yang ditanggung kilang pengeluar gula tempatan turut meningkat


Tinjauan MYsumber di rangkaian laman media sosial mendapati, banyak rungutan daripada orang ramai (pengguna) susulan harga runcit gula telah naik sebanyak 11 sen sekilogram, iaitu daripada RM2.84 kepada RM2.95 sekilogram

Sebagai rekod, kali terakhir harga gula dikemaskini adalah pada 25 Oktober 2013

 Harga Terkini Gula Malaysia Tahun 2017

1KG

RM 2.95

 (+0.11 sen)

25 Oktober 2013